

Headline	SPNB sedia bina 137 unit rumah		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	28 Feb 2015	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	42	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	284 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,639
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,917



# SPNB sedia bina 137 unit rumah

Bagi membangunkan projek penempatan semula mangsa banjir Kampung Sungai Siam, Dun Pulau Tawar

**JERANTUT** - Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) sehingga ini bersedia membangunkan projek penempatan semula mangsa banjir Kampung Sungai Siam, Dun Pulau Tawar dengan membina 137 unit rumah bernilai RM6 juta.

Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Nazlan Idris, projek perumahan di bawah program Pembangunan Luar Bandar (PLB) itu bakal direalisasikan dalam masa terdekat dengan kos sebanyak RM63,000 setiap buah rumah.

Menurutnya, projek kediaman berdekatan Simpang Jengka Lapan itu antara alternatif kerajaan untuk penempatan semula penduduk yang kerap diancam musibah banjir setiap tahun.

"Ini merupakan penempatan baharu di tempat yang lebih tinggi dan selamat berdekatan Jalan Persekutuan

Lama Jerantut ke Maran merupakan mekanisme kerajaan menerusi PLB selaras dengan transformasi bidang sosial.

"Kita menitikberatkan kebajikan penduduk berdekatan Sungai Siam yang kerap dilanda banjir setiap tahun dan kesulitan penduduk berkenaan sudah lama diajukan kepada Pejabat Parlimen Jerantut dan Pejabat Daerah Jerantut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai gotong royong membaik pulih rumah mangsa dan penyampaian bantuan pasca banjir kepada seramai 50 orang penduduk anjuran Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip), di Kampung Sungai Siam, di sini, kelmarin.


Hadir sama Pengarah Jaip, Datuk Mohamad Noor Abdul Rani dan Timbalan Pengarah Jaip, Datuk Mohd Ghazali Abd Aziz.

Ahmad Nazlan berkata,

Risda merupakan agensi pelaksana di bawah PLB negeri ini akan menyelenggarakan projek dari segi pelantikan konsortium pembinaan, kerja kesesuaian tanah dan tapak dan perancangan kemudahan asas di situ.

"Penduduk berkenaan dipilih berasaskan mereka sudah lama menetap di Sungai Siam dan kawasan berdekatan, manakala rumah mereka kerap terjejas teruk apabila setiap kali banjir melanda pada musim tengkujuh.

"Wakil rakyat Pulau Tawar, Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail telah memaklumkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) akan memperuntukkan sebanyak RM11 juta menerusi projek PLB untuk projek infrastruktur iaitu bekalan air, elektrik dan prasarana lain di lokasi berkenaan," katanya.



Ahmad Nazlan (kanan, membongkok) bersama Mohamad Noor (kiri, membongkok) bergotong royong membaik pulih rumah mangsa banjir di Kampung Sungai Siam, di sini, kelmarin.